

PELABURAN R'R'R'
(I)

DARI MUSA SCULLY

1783
COLOMBO, 24 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMALAM BERKATA SEKTOR SWASTA MALAYSIA BERKEMUNGKINAN BESAR MELABUR DALAM PROJEK-PROJEK PERTANIAN DI PROJEK PERTANIAN MAHAWELI.

DALAM SATU TEMUBUAL DENGAN PARA WARTAWAN MALAYSIA BELIAU BERKATA SATU DARIPADA PROJEK TERSEBUT IALAH PENANAMAN REMPAH.

BELIAU BERKATA DARIPADA MEMBELINYA DI LUAR NEGERI, RAKYAT MALAYSIA BOLEH MENANAM REMPAH DI PROJEK MAHAWELI DENGAN USAHASAMA SEKTOR SWASTA SRI LANKA.

DUA HARI LALU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT KE DUA PROJEK AMPANGAN, MADURA OYA DAN VICTORIA YANG TERLETAK DALAM SKIM RAKSASA MAHAWELI, KIRA-KIRA 200 KILOMETER KE UTARA COLOMBO.
-- LAGI 1032/0D

PELABURAN 2 COLOMBO R'R'R'

BELIAU BERLEPAS KE MALDIVES SETELAH MENGAKHIRI LAWATAN TIGA HARINYA KE SRI LANKA HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEMBILAN ORANG ANGGOTA SEKTOR SWASTA YANG MENGIKUTINYA TELAH NAMPAK POTENSI YANG BESAR UNTUK MELABUR DI SRI LANKA DAN BANGLADESH.

BELIAU MENJANGKA MEREKA AKAN MEMBUAT PERHUBUNGAN DENGAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN DI KEDUA-DUA BUAH NEGARA ITU SEBAGAI USAHA LANJUTAN UNTUK MENAMBAH PERDAGANGAN DAN PELABURAN.

DALAM LAWATANNYA KE SRI LANKA, BELIAU SANGAT TERTARIK DENGAN PROJEK PERTANIAN MAHAWELI DAN BERKATA IA AKAN MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT DI KAWASAN ITU.

KATANYA LAWATAN ITU JUGA MEMBERI PELUANG KEPADA ROMBONGAN DARI SEKTOR SWASTA UNTUK MENGENALI RAKAN PERDAGANGAN MEREKA DENGAN LEBIH BAIK.

ROMBONGAN SEKTOR SWASTA ITU DIKETUAI OLEH YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU DAN Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra, DR. NAWAWI MAT AWIN. IA TERMASUK ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN TERSEBUT, BANK BUMIPUTRA DAN SOGOSHOSHA MALAYSIA, PERBADANAN PELABURAN SEBERANGLAUT MALAYSIA (MOIC). -- LAGI 1038/0D

ZCZC B524
PELABURAN 3 COLOMBO

DI KEDUA-DUA BUAH NEGARA, SRI LANKA DAN BANGLADESH, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENAWARKAN LATIHAN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI BAWAH RANCANGAN KERJASAMA TEKNIK MALAYSIA (MTCP)

KATANYA SAMBUTAN DARI PEMIMPIN-PEMIMPIN KEDUA-DUA BUAH NEGARA ADALAH BAIK DAN BELIAU MENJANGKA MEREKA AKAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA TAWARAN ITU.

SEBAGAI BALASANNYA, MALAYSIA DITAWARKAN BANTUAN DALAM LAIN-LAIN BIDANG TEKNIK OLEH KEDUA-DUA BUAH NEGARA ITU.

MTCP DILANCARKAN DALAM 1980 UNTUK MENYEDIAKAN BANTUAN SECARA TERHAD KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG BARU MERDEKA.

-- LAGI 1042/00

ZCZC B525
PELABURAN 4 COLOMBO

DALAM KONTEKS PROGRAM ITU DAN PENGALAKAN DIALOG SELATAN-SELATAN, BELIAU MENEKANKAN PERI MUSTAHAKNYA BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BEKERJA SAMA DENGAN RAPAT DAN MENGAMBIL PENDEKATAN BERSAMA DALAM PERKARA-PERKARA ANTARABANGSA.

MALAYSIA, JELASNYA, BERUSAHA DENGAN GIGIH UNTUK MENGGALAKKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

KATANYA, RANGKA KERJASAMA RANTAU ASIA SELATAN ADALAH SATU IDEA YANG BAIK YANG AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA SEPERTI ASEAN KEPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA. -- BERNAMA